



Rujukan Kami : JANM/PERBAKTI/KPSL/2012/Bil. (4)
Tarikh : 17 Oktober 2012

Y. Bhg Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan

BENKEL PEPERIKSAAN KHAS – UJIAN KEMAHIRAN KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL) KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG AKAUNTAN TAHUN 2012 ANJURAN PERBAKTI DENGAN KERJASAMA JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa PERBAKTI dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negara Malaysia akan mengadakan **Bengkel Peperiksaan Khas – Ujian Kemahiran** untuk tujuan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) dari skim Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir Kewangan ke skim Perkhidmatan Penolong Akauntan Gred W27 pada tarikh , masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 5 November Hingga 7 November 2012
Tempat : Dewan Serbaguna Aras 7
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Bangunan JANM,
Presint 2, Putrajaya
Bayaran : Ahli PERBAKTI : RM230.00 @ Setiap Peserta
Bukan Ahli : RM250.00 @ Setiap Peserta
(Penginapan Tidak Disediakan)
Jadual : Seperti Di lampiran A

3. Sehubungan dengan itu semua Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir Kewangan yang berminat untuk menghadiri kursus ini dikehendaki membuat **pendaftaran mulai 17 Oktober 2012 secara online di website jabatan (www.anm.gov.my) setelah mendapat kelulusan dari ketua jabatan masing-masing**. Penyertaan terhad kepada 200 peserta sahaja.

4. Bayaran penyertaan boleh dibayar secara tunai semasa pendaftaran. Pembayaran melalui pesanan tempatan (L.O) perlu disertakan senarai nama dan jumlah peserta dan diakaunkan mengikut maklumat seperti dibawah:-

- 4.1 Nama Akaun : **PERSATUAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA**
- 4.2 Nama Bank : **AFFIN ISLAMIK BANK CAWANGAN PUTRAJAYA**
- 4.3 No. Akaun : **10-549-000224-1**

5. Peserta yang telah mendaftar adalah **diwajibkan** untuk mencari pengganti jika tidak dapat menghadiri kursus. Sekiranya tiada pengganti, peserta atau jabatan **bertanggungjawab** untuk membayar yuran penyertaan kursus kerana ia melibatkan kos yang perlu ditanggung oleh pihak penganjur.


6. Kerjasama tuan/puan menjayakan kursus ini amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan pegawai berikut:

En. Wan Ainol Hasnan Bin Wan Kassim	03-88821697 (wan.ainol@anm.gov.my)
En. Vignesvaran @ Vicky	03-88821781 (vignes@anm.gov.my)
Pn. Saida Binti Mumin	03-88821673 (saida.mumin@anm.gov.my)

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Penggerak Transformasi Perakaunan Akruan"



(ZAIDA AZIAN BINTI SHAFIEI)

Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan
b.p. Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

s.k. 1. **Y.Bhg Datuk ANM**
 2. **Pengarah BPPP**

